

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 21 May 1965 > Page 1 > HUSSAIN JAHIDIN BEBAS DARI TAHANAN

HUSSAIN JAHIDIN BEBAS DARI TAHANAN

Berita Harian, 21 May 1965, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL4322

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

HUSSAIN JAHIDIN BEBAS DARI TAHANAN

Oleh

Sulaiman Jeem

SINGAPURA, Khamis. — Inche Hussain Jahidin, 32 sa-orang bekas pemberita Utusan Melayu dan tahanan politik, hari ini melangkah keluar dari ibu pejabat Special Branch di-Robinson Road di-sini sa-telah di-bebaskan atas perintah Menteri Dalam Negeri, Dato Dr. Ismail.

Inche Hussain, yang ditemani oleh isteri-nya, Hamidah Salleh, senyum lebar lalu berkata kepada pemberita yang menunggu di-luar: "Saya bebas samula sa-telah 2½ tahun dalam tahanan.."

Bellau kelihatan sihat dan segar, dan telah men-chukor janggut-nya yang di-simpan-nya waktu belum di-tahan dulu

Inche Hussain memberitahu bahawa tiga bulan sebelum di-bebaskan, ia telah di-tempatkan dalam sebuah bilik lengkap dengan perabot di-tengkat atas ibu pejabat Special Branch itu.

Information ^

Newspaper:
Berita HarianDate:
21 May 1965Reel Number:
NL4322

Share

Table of Contents ^

< Previous

Page 1 v

Next >

Nama Akhbar

BERITA HARIAN AKHBARI BANGSA KEBANGSAAN MALAYSIA IUMA AT 21 MAY, 1965 — 20 MUHAKRAM.

Tengku na' jadi mubaligh ta' boleh berhenti


Tengku na' jadi mubaligh ta' boleh berhenti i/ U A L A LUMPUR. Khamis. Peraana Menteri, Tengku Jduli

\$2 juta untuk rumah2 Melayu

\$2 juta untuk rumah2 Melayu Chek pertama \$425,000 di-serahkan kepada Sharikat K-sama Perumahan

HUSSAIN JAHIDIN BEBAS


View Full Table of Contents >



Inche Hussain telah disebut dalam sa-buah Kertas Puteh Kerajaan yang di-siarkan sa-telah ia di-tangkap bersama lebeh 100 orang lagi ahli politik sayap kiri dan ahli kesatuan buroh dalam "Operation Cold Store" pada bulan February, 1963.

Dokumen itu, bertajok "Komplotan Komunis" menyatakan bahawa Inche Hussein dan orang2 lain yang di-tahan itu telah terlibat dalam satu pakatan untok menggunakan Singapura sa-bagai "Cuba" bagi melancarkan serangan politik terhadap Tanah Melayu.

Inche Hussain menjadi pengerusi Jawatankuasa Kerja Kesatuan Sa-Kerja




Singapura yang bersayap kiri itu.

Jawatankuasa itu telah mengundang wakil2 dari lebeh 100 buah badan untok menentang rang undang2 pungutan suara.

Kedua2 perhimpunan yang di-ranchangkan-nya itu telah di-haramkan oleh Kerajaan.

Waktu di-tangkap, beliau menjadi anggota Jawatankuasa Kesatuan Kebangsaan Wartawan2 Singapura.




Beliau juga mengetuai Seksi Melayu Kesatuan Kakitangan2 Umum Singapura yang telah di-haramkan kemudian-nya. Dan beliau juga menjadi pengarang "Suara Kesatuan," juga di-haramkan kemudian-nya.

Perintah Dato Dr. Ismail untok membebaskan-nya itu mengadakan 6 syarat. Kira-nya, ia melanggar salah satu dari syarat2 itu, maka ia akan didenda \$1,000.

Menurut syarat2 itu ia harus berada di-satu2 alamat tertentu dan ia harus berada di-rumah dari jam 6 petang hingga 6 pagi.

Sekatan2



Beliau juga tidak boleh menjadi ahli atau mengambil bahagian atau menolong dalam gerakan2 politik, kesatuan2 kerja, murid2 tua dan persatuan2 tani, pelajar2 atau badan2 budaya tanpa izin lebeh awal dari ketua Special Branch.

Satu lagi syarat melarang ia "membuat hubungan" dengan sa-barang bekas tahanan politik

lain-nya.

Incha Hussain berkata bahawa ia tidak ada "ranchangan untuk masa depan."

"Saya mula2 sa-kali mahu menchari kerja dulu," kata-nya

Beliau memberitahu bahawa sa-masa dalam tahanan ia telah mengarang dua buah nobel bertajok "Menjelang esok" sa-buah cherita yang berlatar-belakang masharakat peibagai bangsa, dan "Hirawati" sa-buah kesah chinta.

"Kata-nya: "Saya harap ada penerbit yang dapat menerbitkan-nya nanti."

Menjawab pertanyaan, beliau memberitahu bahawa ia tidak menandatangani sa-barang kenyataan u n t o k Special Branch, kechuali mengenai sharat2 yang harus di-patohi-nya itu.

Che Hamidah, isteri-nya, senyum lebar riang gembira, sambil berkata: "Saya sunggoh berasa sukachita."

Mereka mempunyai lima orang anak.



Related Articles



No related article found.

